



Takaful Malaysia Budi



TAKAFULmalaysia

# Pelbagai Manfaat Dalam *Satu Pelan*



# Takaful Malaysia Budi

Di Takaful Malaysia, keperluan perlindungan anda adalah keutamaan kami. Kami percaya setiap individu berhak untuk memilih pelan perlindungan yang selaras dengan keperluan dan kemampuan kewangan tersendiri.

Memperkenalkan Takaful Malaysia Budi, sebuah pelan Takaful komprehensif yang direka untuk melengkapkan setiap keperluan perlindungan anda dan keluarga pada kadar caruman yang berpatutan.

Selain itu, pelan ini membolehkan anda menjana simpanan menerusi pilihan pelaburan untuk masa depan anda dan orang yang anda sayangi.

## Kelebihan Pelan Ini

### KOMPREHENSIF



Pelan perlindungan yang komprehensif terhadap kematian, keilatan menyeluruh dan kekal, penyakit kritis, perubatan, simpanan dan banyak lagi.

### PENGGANTIAN PENDAPATAN



Melindungi komitmen kewangan anda apabila terjadi sesuatu di luar jangkaan.

### FLEKSIBILITI



Anda boleh memilih pelan perlindungan anda dengan 10 perlindungan tambahan mengikut kesesuaian anda.

### HIBAH



Hadiahkan manfaat kematian sebagai Hibah Takaful untuk memastikan kelangsungan hidup keluarga yang tersayang.

### PELABURAN



Anda boleh memilih untuk meningkatkan pelaburan anda pada bila-bila masa.

### GANJARAN



Dapatkan ganjaran akademik sebagai galakkan dan sokongan untuk anak-anak terus cemerlang.

# Tentukan Manfaat Anda

Tentukan keperluan perlindungan anda mengikut kemampuan dengan memilih mana-mana perlindungan tambahan berikut. Perlindungan tambahan akan menyebabkan peningkatan caruman.

## MEDIKAL



Tenang dan fokus dengan rawatan. Biar kami uruskan bil-bil hospital anda.

- **myMedic** • **myHospital Cash**

## KEMALANGAN DIRI



Ringankan beban kehidupan anda atau yang tersayang apabila anda tiada atau keilatan akibat kemalangan. Malah dengan perlindungan *myIhram* anda akan menerima perlindungan tambahan jika berlaku kemalangan semasa mengerjakan Haji atau Umrah.

- **myPA** • **myIhram**

## SIMPANAN - *mySAVER*



Dari serendah RM10 sebulan, anda mampu meningkatkan simpanan dengan menentukan peratusan peruntukan pelaburan anda melalui mana-mana 5 perlindungan tambahan dana berkaitan pelaburan ini.

### \*Pilihan dana yang tersedia:

- **myBalanced Fund** • **myBlue Chips Fund** • **myEquity Index Fund**
- **myGrowth Fund** • **myDividend Fund**

## PENYAKIT KRITIKAL



Terima bantuan kewangan sekali gus sekiranya didiagnosis dengan mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi.

- **myCritical Illness** • **myMultipay Critical Illness**

## PENGECUALIAN CARUMAN



Tidak perlu meneruskan caruman jika didiagnosis penyakit kritikal yang dilindungi atau disahkan Keilatan Menyeluruh dan Kekal. Lebih menarik, perlindungan orang yang anda sayangi tidak terhalang melalui rider *myPayor* atau *myPayor Plus*.

- **myWaiver** • **myPayor** • **myPayor Plus**

*Nota: \*Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut tentang dana berkaitan pelaburan yang tersedia.*

# Manfaat Asas

Kematian	Sekiranya berlaku kematian semasa tempoh perlindungan, beneficiari akan menerima jumlah perlindungan sekali gus:  i. jumlah perlindungan asas; dan ii. jumlah nilai akaun*, jika ada.  <i>Nota: *Jumlah nilai akaun merujuk pada sebarang baki dalam Akaun Peserta (AP) ditambah dengan sebarang baki dalam dana berkaitan pelaburan, jika berkaitan.</i>															
Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK)	Sekiranya KMK berlaku sebelum umur 70 tahun pada hari lahir akan datang dan semasa tempoh perlindungan, anda akan menerima jumlah sekali gus yang bersamaan dengan:  i. jumlah perlindungan asas; dan ii. jumlah nilai akaun, jika ada.															
Perbelanjaan Kematian Dipercepatkan	Sekiranya berlaku kematian semasa tempoh perlindungan, beneficiari akan menerima bantuan kewangan segera yang bersamaan dengan:  i. 10% daripada jumlah perlindungan asas; atau ii. sehingga RM10,000.  Manfaat ini akan dibayar terlebih dahulu daripada jumlah perlindungan asas.															
Kecemerlangan Akademik <sup>1</sup>	<table border="1"><thead><tr><th>Peperiksaan Awam</th><th>Kelayakan Minimum</th><th>Ganjaran Setiap A yang Diperolehi</th></tr></thead><tbody><tr><td>SPM/GCSE<sup>2</sup></td><td>7A</td><td>RM 125</td></tr><tr><td>STPM</td><td>3A</td><td>RM 125</td></tr><tr><td>STAM<sup>3</sup></td><td>7 MUMTAZ</td><td>RM 125</td></tr><tr><td>A LEVEL</td><td>3A</td><td>RM 125</td></tr></tbody></table> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1.Untuk anak-anak sahaja - wajib untuk menyertakan myPayor atau myPayor Plus ketika penyertaan</li><li>2.GCSE - General Certificate of Secondary Education atau Sijil Am Pendidikan Menengah, bersamaan dengan SPM.</li><li>3.STAM - Sijil Tinggi Agama Malaysia, setaraf STPM; yang ditawarkan kepada pelajar Tingkatan 6 Bawah.</li></ol> <p>Gred A merujuk kepada A-, A dan A+.</p> <p>Bayaran tertakluk pada:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. <b>Sijil mesti berkuat kuasa setahun sebelum anak menduduki peperiksaan;</b></li><li>ii. <b>Bayaran caruman mesti dibayar terkini; dan</b></li><li>iii. <b>Ganjaran layak hanya sekali seumur hidup.</b></li></ol>	Peperiksaan Awam	Kelayakan Minimum	Ganjaran Setiap A yang Diperolehi	SPM/GCSE <sup>2</sup>	7A	RM 125	STPM	3A	RM 125	STAM <sup>3</sup>	7 MUMTAZ	RM 125	A LEVEL	3A	RM 125
Peperiksaan Awam	Kelayakan Minimum	Ganjaran Setiap A yang Diperolehi														
SPM/GCSE <sup>2</sup>	7A	RM 125														
STPM	3A	RM 125														
STAM <sup>3</sup>	7 MUMTAZ	RM 125														
A LEVEL	3A	RM 125														
Tempoh Matang	Kami akan membayar baki nilai akaun pada tempoh matang jika ada.															

# Kelayakan

Umur Kemasukan	Orang yang Dilindungi: 14 hari–70 tahun  Jika anda menyertai pelan ini untuk isteri atau anak, anda harus berumur 19 tahun ke atas. <i>Nota: Umur di atas merujuk kepada hari lahir akan datang.</i>
Caruman	Berbeza mengikut jumlah perlindungan, umur, jantina dan status merokok orang yang dilindungi.  Caruman tambahan tertakluk kepada keputusan pengunderaitan.
Tempoh Bayaran Caruman	Bulanan, suku tahunan, separuh tahunan, tahunan.
Tempoh Perlindungan	Pilih untuk dilindungi sehingga umur 25, 60, 70 atau 80 tahun.
Jumlah Perlindungan	Untuk perlindungan asas:  Minimum: RM10,000 Maksimum: Tertakluk pada pengunderaitan <i>Nota: Setiap manfaat tambahan mempunyai jumlah perlindungan minimum dan maksimumnya sendiri.</i>

# Yuran & Caj

Wakalah	Yuran ini adalah untuk mengurus perlindungan anda dan diperolehi daripada bayaran caruman tolak kadar peruntukan caruman.
Perkhidmatan	<b>RM 5</b> sebulan untuk sijil asas dan myMedic. <b>RM 1</b> sebulan untuk manfaat tambahan lain (kecuali mySaver).
Pengurusan Dana (Berkaitan Pelaburan sahaja)	<b>Minimum 1.0%</b> daripada nilai aset bersih setahun. <b>Maksimum 1.5%</b> daripada nilai aset bersih setahun.
•Serahan •Pengeluaran Separa •Pertukaran Dana •Tambah Nilai	Tiada Caj

# Bagaimana Pelan Ini Berfungsi

*Senario 1:  
Penggantian Pendapatan*



**Status :** Ibu dan Isteri

**Umur:** 30 tahun (pada hari lahir akan datang)

**Pekerjaan :** Pengurus Pemasaran

**Gaya Hidup :** Sihat dan Tidak Merokok

Caruman bulanan: **RM196**  
Tempoh caruman: **Sehingga 70 tahun**




### Sekiranya Nadia:

Meninggal Dunia	RM200,000 jumlah perlindungan akan dibayar kepada waris Nadia bersama jumlah nilai akaun, jika ada.
KMK	RM10,000 pendahuluan akan dibayar kepada waris Nadia untuk Manfaat Perbelanjaan Kematian. Ahli keluarga Nadia boleh menggunakan wang tersebut untuk menguruskan pengebumian Nadia dan kelangsungan hidup keluarga Nadia.
Dimasukkan ke hospital	RM200,000 jumlah perlindungan akan dibayar kepada Nadia bersama jumlah nilai akaun, jika ada.
Didiagnosis mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi	RM200/hari Manfaat Tunai Harian akan diterima oleh Nadia. Manfaat ini boleh dijadikan sebagai penggantian pendapatan untuk hidupnya.
Hidup hingga tempoh matang	100% baki nilai tunai akan diterima daripada akaun peserta Nadia untuk kegunaan masa hadapan (jika ada).

# Bagaimana Pelan Ini Berfungsi

*Senario 2:  
Dana Pendidikan*



**Status :** Pelajar


**Umur:** 10 tahun (pada hari lahir akan datang)

**Umur Bapa :** 40 tahun

**Gaya Hidup Bapa :** Sihat dan Tidak Merokok

Caruman bulanan: **RM153**

Tempoh caruman: **Sehingga 25 tahun**



#### Sekiranya Aariz:

Meninggal Dunia	RM 150,000 jumlah perlindungan akan dibayar kepada bapa Aariz bersama jumlah nilai akaun, jika ada. Jika kematian disebabkan kemalangan, jumlah tambahan sehingga RM300,000 akan dibayar.
KMK	RM10,000 pendahuluan akan dibayar untuk Manfaat Perbelanjaan Kematian. Ahli keluarga Aariz boleh menggunakan manfaat tersebut untuk menguruskan pengebumian Aariz dan kelangsungan hidup keluarga mereka.
Dimasukkan ke hospital	RM100/hari Manfaat Tunai Harian turut diberikan dan boleh dituntut oleh bapa Aariz sekiranya Aariz dimasukkan ke hospital.
Didiagnosis mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi	RM150,000 akan dibayar secara sekali gus kepada bapa Aariz untuk menampung rawatan perubatan tambahan atau keperluan berkaitan.
Hidup hingga tempoh matang	100% daripada nilai akaun iaitu lebih kurang RM25,801.89* akan diterima untuk kegunaan masa hadapan (jika tiada pengeluaran sebahagian dilakukan sebelum ini).

#### Sekiranya Bapa Aariz:

Didiagnosis mana-mana satu penyakit kritikal yang dilindungi	Caruman dikecualikan dan Aariz masih boleh nikmati baki manfaat sehingga sijil matang.
Membuat pengeluaran Separuh semasa Aariz berumur 18 tahun	Sehingga RM12,610.67* akan dibayar ke akaun bapa Aariz.

\*Jumlah unjurian adalah berdasarkan peruntukan 100% kepada myBalance Fund dengan keuntungan pelaburan 5% setahun. Pulangan sebenar mungkin berbeza berdasarkan prestasi sebenar dana.

## **Nota Penting**

1. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar adalah amaan yang anda mampu.
2. Amaun prinsipal di bawah Dana Akaun Peserta (AP) dan keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada AP adalah tidak dijamin dan berdasarkan prestasi sebenar dana.
3. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan manfaat mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dibayar.
4. Bayaran caruman harus dilakukan secara berkala untuk menikmati perlindungan berterusan. Sijil akan luput dan tiada perlindungan diberikan apabila baki anda dalam AP dan dana berkaitan pelaburan telah habis.
5. Anda boleh menerima baki dalam Dana AP (jika ada) selepas serahan atau tempoh matang yang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah dibayar.
6. Sebarang semakan yuran dan caj atau caruman akan dibuat pada ulang tahun sijil, dan kami akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis seawal tiga puluh (30) hari.
7. Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda menyemak dan memutuskan sama ada anda ingin meneruskan pelan tersebut. Jika anda ingin membatalkan pelan, anda boleh melakukannya dalam tempoh penelitian percuma dan anda boleh mendapat bayaran balik penuh bagi caruman yang telah dibayar.
8. Brosur ini menyediakan maklumat am sahaja. Ia bukan kontrak takaful. Sila rujuk helaian penerangan produk, helaian fakta dana, ilustrasi pemasaran dan sijil untuk ciri-ciri penting dan manfaat pelan yang terperinci sebelum membuat keputusan untuk menyertai pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan adalah tidak terhad. Takaful Malaysia menafikan sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sekiranya anda mengalami kerugian hanya dengan bergantung pada maklumat yang terkandung di sini.
9. Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori takaful (nyawa) dan pendidikan keluarga. Untuk kategori pendidikan, anda perlu melampirkan *myPayor* atau *myPayorPlus*. Pelepasan cukai tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sila rujuk wakil cukai anda sebelum menyerahkan penyata cukai pendapatan anda kepada LHDNM.
10. Pelan ini merupakan pelan yang patuh Syariah dan semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan pada November 2023.

# Pengecualian

## Kematian

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Sijil untuk kematian orang yang dilindungi yang disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan atau sebarang Tarikh Kuat Kuasa Semula, mana yang terkemudian.

## KMK

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Sijil untuk KMK orang yang dilindungi:

- i. yang telah wujud sebelum atau pada Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil mana yang terkemudian;
- ii. secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, timbul berkaitan dengan atau oleh sebarang Keadaan Sedia Ada di mana KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan yang pertama dari Tarikh Kuat Kuasa atau Tarikh Kuat Kuasa Semula Sijil yang mana terkemudian; atau
- iii. yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada mana sebab berikut:
  - cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
  - penerbangan, peluncuran atau sebarang jenis penerbangan di udara selain juruterbang, anak kapal atau penumpang yang membayar tambang kepada syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
  - peperangan (yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan), revolusi atau sebarang operasi berunsur peperangan;
  - sebarang pelanggaran undang-undang atau sebarang aktiviti jenayah atau pengganas yang dilakukan cuba dilakukan atau diprovokasi oleh orang yang dilindungi; atau
  - semasa di bawah pengaruh alkohol narkotik atau bahan pengubah minda; atau
  - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau keadaan yang berkaitan.

Pengecualian dan had yang dinyatakan di atas tidak menyeluruh dan anda harus merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.



TakaFULmalaysia

**1300 88 252 385**  
[www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Diuruskan oleh: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K) | Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. | Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. | Ahli PIDM | Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubung Takaful Malaysia atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).